

12/05/2001

Capai matlamat, didik masyarakat

LEBIH 191,000 pengunjung membanjiri pameran dan kegiatan sepanjang Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 (MSAM 2001) di Kota Bharu, Kelantan, yang berlangsung pada 20 sehingga 24 April, 2001. Ada yang tertanya-tanya apakah kelebihannya hinggakan begitu ramai sekali yang mengunjunginya? Mungkin jawapannya, ia adalah manifestasi usaha PNB mendidik orang ramai mengenai pelaburan, khususnya pelaburan dalam saham amanah telah mendapat perhatian masyarakat, terutama masyarakat di negeri Kelantan. Sokongan dan pembabitan pelbagai pihak yang terbabit dalam industri saham amanah yang terdiri daripada badan kawal selia, Ejen Amanah Saham Nasional Berhad, syarikat pelaburan PNB dan pengurus dana yang lainnya menunjukkan kesungguhan untuk menyedarkan masyarakat mengenai pentingnya industri saham amanah kepada negara.

Penganjuran MSAM 2001 adalah berteraskan matlamat untuk mendidik agar masyarakat lebih memahami mengenai pelaburan serta memahami hubung kait antara risiko dengan pulangan dalam pelaburan. Selain itu, MSAM dijadikan platform untuk memposisikan saham amanah sebagai pilihan utama instrumen pelaburan selaras matlamat "pelaburan jangka panjang untuk strategi jangka panjang".

MSAM 2001 yang telah pun diiktiraf sebagai agenda tahunan negara sememangnya memerlukan pembabitan secara menyeluruh daripada semua pihak. Apatah lagi ia adalah kegiatan berteraskan kepada industri saham amanah yang memainkan peranan penting dalam usaha pembangunan ekonomi negara. Justeru, melihat kepada sokongan dan sambutan diterima, penganjuran MSAM ini adalah satu usaha bertepatan dengan masanya.

Tidak dinafikan, melihat kepada skala penganjuran MSAM 2001 sememangnya begitu besar. Kerjasama yang diberikan oleh setiap pihak yang terbabit membantu menjayakan program ini begitu penting. PNB dan Persekutuan Pengurus Amanah Saham Malaysia (FMUTM) sebagai penganjur bersama MSAM menerima sokongan padu dan jitu daripada semua pihak khususnya daripada industri saham amanah, kementerian, agensi kerajaan, syarikat pelaburan PNB, institusi pendidikan tinggi, media massa dan sebagainya dalam menjayakan sambutan ini. Hasil kerjasama mereka inilah membolehkan MSAM mendapat sambutan begitu membanggakan.

Kesimpulannya, MSAM kali ini, yang mana acara utama diadakan di luar Kuala Lumpur, berjaya mencapai matlamatnya dalam usaha mendidik masyarakat menerusi pendekatan secara langsung. Penganjuran MSAM 2001 sebenarnya disambut di seluruh negara. Pelbagai kegiatan yang diadakan tidak hanya tertumpu di Kelantan. Contohnya, pelancaran Pertandingan Menulis Esei dan Kuiz Pelaburan Peringkat Kebangsaan disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Bangi, Selangor pada 2 Mac, 2001. Sementara itu, pada 25 Mac di Pulau Pinang, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon melancarkan program 'Kenali PNB 2001' iaitu kegiatan pandu misteri yang membabitkan pelabur pelbagai saham amanah PNB, pekerja syarikat pelaburan PNB dan media massa.

MSAM lebih bermakna dengan kehadiran dan sokongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya yang masing-masing merasmikan dan menutup program berkenaan. Selain itu, Menteri Besar, Datuk Nik Aziz Nik Mat dan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman serta barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan (Exco) turut sama menjayakan MSAM 2001 dengan kehadiran mereka pada majlis perasmian dan penutup MSAM 2001. Malahan, Sultan dan Raja Perempuan Kelantan bersama

ahli keluarga diraja turut berangkat ke pameran MSAM 2001. Pasti ini satu petanda positif yang mana MSAM berjaya mendapat sokongan padu daripada masyarakat tanpa mengira perbezaan kedudukan dan pendapat.

Kegiatan yang diadakan juga adalah menyeluruh, merangkumi kegiatan membabitkan kanak-kanak hinggalah kepada golongan profesional. Antara kegiatan untuk golongan kanak-kanak ialah Pertandingan Mewarna Bersama 'Along' mendapat sambutan begitu menggalakkan yang mana lebih 2,000 kanak-kanak membanjiri dewan untuk menyertainya. Selain itu, di tapak pameran pula pelbagai kegiatan iaitu kuiz, Kenali PNB, sudut hiburan didik dan lain-lain kegiatan kreatif yang berupa program interaktif untuk menjana minda dan menambahkan pengetahuan pengunjung pameran mengenai pelaburan dan pengetahuan am. Kanak-kanak istimewa juga tidak dilupakan. Mereka turut berpeluang beramah-mesra dengan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali melalui program PNB Endah.

Golongan pelajar sekolah dan penuntut institusi pendidikan tinggi juga antara kelompok yang mendapat pendedahan begitu besar. Ini melalui kegiatan seperti Pertandingan Menulis Esei dan Kuiz Pelaburan Peringkat Kebangsaan yang terbuka kepada pelajar sekolah menengah dan penuntut institusi pengajian tinggi, Pertandingan Debat antara universiti Piala Pusingan PNB, Pertandingan Pelaburan Antara Sekolah Menengah Kelantan dan Pertandingan Pelaburan Antara Universiti dan Pengurus Dana. Melalui Kelab Pelaburan Bijak PNB yang ditubuhkan di sekolah menengah terpilih di setiap negeri, turut diadakan kegiatan kreatif dan pameran di sekitar sekolah tersebut agar masyarakat sekitar dapat turut serta meraikan MSAM 2001 ini. Dengan ini pembabitan masyarakat dalam MSAM tidak hanya tertumpu di negeri Kelantan tetapi turut membabitkan seluruh negara!

Tidak cukup dengan pembabitan masyarakat negara ini, melalui penganjuran Seminar Antarabangsa sempena MSAM di Kuala Lumpur, ia turut membabitkan pengurus-pengurus dana dari luar negara. Seminar ini membolehkan para pengurus dana tempatan dan antarabangsa bertukar pandangan mengenai isu-isu semasa pelaburan.

Sementara itu, pelancaran Amanah Saham Didik (ASD), iaitu saham amanah yang ketujuh diuruskan oleh PNB turut memberi peluang kepada ibu bapa khususnya golongan Bumiputera untuk melabur bagi masa depan pendidikan anak-anak mereka. ASD tepat pada masanya kerana ia memberi pilihan kepada mereka untuk menjadikan saham amanah sebagai persediaan untuk pendidikan masa depan anak-anak.

Bagi orang ramai pula, medan pengetahuan di MSAM untuk mereka ialah melalui pameran yang diadakan. Lebih 100 ruang pameran disertai sebahagian besarnya oleh syarikat pelaburan PNB. Pengunjung berpeluang memahami operasi syarikat dan mengenali produk. Syarikat ini adalah syarikat di dalam portfolio pelaburan PNB. Pelabur saham amanah PNB akan dapat mengenali syarikat terbabit secara lebih mendalam dan memahami pelaburan yang mereka lakukan menyumbang kepada pemilikan modal dalam syarikat ini oleh PNB.

Melalui pemilikan ekuiti dalam syarikat ini, membolehkan masyarakat sama-sama berkongsi arus perdana ekonomi negara. Pendekatan melalui pameran ini membolehkan masyarakat memahami dengan lebih jelas mengenai peranan yang dimainkan oleh saham amanah dalam pembangunan ekonomi negara. Pelaburan dalam saham amanah adalah bersifat jangka panjang dan syarikat yang dilaburkan oleh PNB juga adalah bersifat jangka panjang yang mana syarikat ini memiliki fundamental jelas dan kukuh. Paparan inilah yang ditunjukkan pada pameran MSAM 2001.

Selain itu, pengunjung juga berpeluang melihat kecanggihan operasi syarikat melalui paparan teknologi yang digunakan syarikat terbabit. Sudut Inovasi memaparkan penggunaan teknologi dan sistem yang canggih dalam operasi seharian syarikat bagi memastikan keupayaan syarikat berkenaan

berdaya saing di arena antarabangsa.

PNB turut menaja program televisyen berbentuk kuiz, iaitu Kuiz Bijak Langkah, Bijak Labur PNB yang disiarkan setiap Khamis, di TV3 mulai 12 April, 2001. Program ini menawarkan hadiah lumayan iaitu wang tunai dan barangan bernilai RM600,000 untuk peserta di studio dan penonton di rumah. Program ini menekankan kepada kaitan risiko dan pulangan yang diterima oleh peserta berdasarkan soalan diberikan. Program ini diharapkan dapat membolehkan mesej dan matlamat MSAM dihayati secara lebih meluas.

MSAM sesungguhnya adalah kegiatan ilmu yang dilaksanakan untuk mendidik orang ramai mengenai kebaikan dan kepentingan pelaburan kepada pembangunan diri dan ekonomi negara. MSAM perlu dihayati sepenuhnya oleh semua pihak yang terbabit kerana program pendidikan pelaburan seperti ini sudah pastinya memerlukan komitmen tinggi dan konsisten bagi memastikan pelaksanaannya lebih mantap, bersepadu dan berterusan. MSAM bukannya pesta jualan besar-besaran atau ekspo dagangan. MSAM adalah agenda tahunan negara yang mempunyai pengisian wawasan dalam membangun masyarakat berilmu pelaburan yang mampu bersaing dan berdaya maju. Kegiatan MSAM membabitkan hampir semua lapisan masyarakat dan sedikit sebanyak pastinya ada pengetahuan dan ilmu diperoleh mereka dengan menyertainya.

Melalui MSAM ini, orang ramai dapat membuat pilihan terbaik, apakah instrumen pelaburan yang sesuai untuk mereka? Segala pengetahuan diberikan sepanjang MSAM ini, semestinya kita sendiri dapat menentukan jawapannya. Mungkin jawapannya pada tema MSAM iaitu `Saham Amanah - Pilihan Pelabur Bijak'.

(END)